


TARIKH	12 / 03 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	58	RUANGAN	



13 kematian baharu Mers

RIYADH - Arab Saudi mengumumkan 13 lagi kematian baharu akibat virus Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) tatkala Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) sedang melakukan persediaan mengadakan mesyuarat tergempar mengenai wabak berkenaan.

Sehingga semalam, angka korban mencecah 139 orang dan kira-kira 480 orang disahkan dijangkiti sejak dikesan pada 2012.

Kementerian Kesihatan Saudi berkata, enam orang meninggal dunia akibat virus berkenaan dalam tempoh 24 jam lalu.

Mangsa adalah tiga dari Riyadh, dua dari Madinah dan seorang dari Jeddah. - *Arab News*